

13 JUN 1999

Samy-MIC

MIC GERAK JENTERA PILIHAN RAYA JULAI 15 JULAI INI

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- MIC akan menggerakkan sepenuhnya jentera pilihan raya parti berkenaan mulai 15 Julai ini sebagai persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang, kata presidennya Datuk Seri S. Samy Vellu.

Beliau berkata persiapan itu juga melibatkan persediaan bagi menangkis sebarang tuduhan pihak pembangkang terhadap parti.

"Tiap-tiap hari ada sahaja pihak yang menuduh kita, tapi sekarang kita sediakan bahan. Kita ada banyak bahan untuk ketepikan tuduhan-tuduhan itu dan hanya menunggu isyarat Perdana Menteri sahaja," katanya selepas merasmikan kursus Kepimpinan Bagi Setiausaha Bahagian dan Perhubungan Negeri seluruh negara.

Samy yang juga Menteri Kerja Raya berkata persiapan itu melibatkan perjumpaan dengan wakil rakyat dari parti berkenaan pada 3 Julai ini sebelum perjumpaan dengan ketua-ketua bahagian pada tarikh yang belum ditetapkan.

Katanya persediaan lain melibatkan penubuhan bilik operasi, melantik ketua 10 di setiap kawasan pilihan raya, menyediakan senarai pengundi dan menyediakan bendera parti, Barisan Nasional dan Umno.

Ketika ditanya mengenai saingan parti lain, seperti PAS dan Parti Keadilan, Samy berkata pengundi bangsa India tidak akan memilih PAS kerana parti itu asing bagi mereka manakala Keadilan tidak mempunyai pengalaman.

Mengenai parti DAP, Samy berkata hanya 10 peratus daripada pengundi India menyokong parti pembangkang itu dan kebanyakan mereka juga telah kembali ke MIC.

Beliau berkata MIC kini mempunyai 465,000 anggota yang terdiri daripada pengundi dan hanya 200,000 lagi pengundi India yang bukan anggota parti itu.

Samy berkata parti itu akan berusaha menambah bilangan anggota wanita pada tahap 50 peratus daripada jumlah keseluruhan keanggotaan.

Beliau berkata bagi membolehkan wanita dapat bergiat aktif dan menyumbang kepada parti, MIC akan meminda perlembagaannya bagi membolehkan semua Ketua Bahagian Wanita menghadiri persidangan perwakilan setiap tahun.

Pindaan itu juga akan melibatkan Ketua Pemudanya yang akan menjadi wakil terus apabila dipilih di bahagian masing-masing ke persidangan perwakilan.

Isu pindaan itu akan dibincang pada mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat parti sebelum dibawa ke Persidangan Perwakilan pada 31 Julai dan 1 Ogos ini, yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata Samy.

Dengan pindaan itu, jumlah wakil wanita ke persidangan perwakilan akan meningkat daripada hanya 20 wakil kepada 122.

Samy berkata mulai tahun akan datang, Wanita dan Pemuda MIC juga akan diberi tiga tempat khas bertanding pada Majlis Tertinggi parti.

Sebelum itu dalam ucapannya Samy berkata wanita akan diberi peluang yang lebih pada pilihan raya akan datang dan semasa ditanya pada sidang media, beliau berkata beliau tidak mahu menjelaskan bilangan kerusi yang akan diberikan tetapi ia bagi wanita yang bijak dan berkebolehan.

Beliau juga meminta semua ketua wanita melawat ke ladang-ladang dan kawasan luar bandar untuk mengenal pasti masalah dan berusaha mengatasinya dengan melaporkannya kepada parti untuk tindakan lanjut.

-- BERNAMA

NHD zb